

# Pelajar lelaki 'lembut'

## UPM bantu tingkatkan kesedaran

### MUKADIMAH

KEHADIRAN golongan pelajar lelaki 'lembut' di kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bukan satu perkara baru.

Masalah identiti diri yang keliru tidak menghalang mereka menunaikan tanggungjawab pelajar dengan baik.

Justeru dalam kepayahan meniti cabaran hidup di kampus, ramai di kalangan mereka berupaya cemerlang dalam akademik dengan memperoleh Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 3.0 ke atas.

Namun kecemerlangan itu tidak bermakna jika mereka terus dibelenggu masalah kekeliruan identiti yang ketara.

Menyedari itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program Gerak Segak di Jeram Besu, Benta, Pahang bagi membantu pelajar lelaki 'lembut' kembali menginsafi kejadian diri mereka yang sebenar.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **ROHANA MAN** dan jurugambar **GAIE UCHEL** berpeluang mengikuti program berkenaan yang diadakan selama tiga hari dua malam.

**ISU** Pelajar



**S**ESIAPA pun di dunia ini mahu menikmati hidup dalam keadaan sempurna tanpa masalah yang menekan diri.

Di kampus universiti, pastinya masalah berkaitan akademik menjadi satu persoalan besar kepada seluruh keluarga, pelajar, pensyarah dan pihak pentadbir universiti.

Tidak terkecuali masalah peribadi berkaitan cinta dan sosial turut menjadi beban kepada semua pihak berkenaan.

Semuanya perlu ditangani dengan bijak dalam memastikan matlamat sebenar pelajar ke universiti tercapai.

Apakah matlamat itu? Selain kecemerlangan akademik, pelajar turut didedahkan dengan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan sahsiah dan keyakinan diri; membentuk personaliti dan disiplin yang baik serta sesuai dengan fitrah diri.

Menyedari itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) buat pertama kalinya mengadakan program khas untuk para pelajar lelakinya yang dikatakan 'lembut'.

Antara lain program Gerak Segak diadakan untuk menguatkan kesedaran terhadap fitrah mereka sebagai lelaki

yang diamanahkan Tuhan sebagai khalifah di muka bumi ini.

Menariknya, semua 18 pelajar terlibat secara sukarela 'menyerah diri' kepada pihak penganjur untuk mengikuti program berkenaan.

*Utusan Malaysia* difahamkan pada mulanya seramai 40 pelajar lelaki 'lembut' UPM mendaftar untuk mengikuti program Gerak Segak.

Khobar-khobar angin yang tersebar luas beberapa hari sebelum program berlangsung menyebabkan ramai di kalangan mereka menarik diri.

Antara khabar angin itu ialah peserta program akan dibotakkan kepala dan dipaksa mengikuti latihan lasak ala tentera.

Oleh itu sekalung tahniah diucapkan kepada 18 pelajar yang berjaya menahan diri daripada mempercayai khabar angin sekali gus meneruskan hasrat menyertai program berkenaan.

Apa yang menarik, program itu turut menyelitkan slot sesi perkongsian pengalaman yang dipimpin oleh seorang bekas pelajar lelaki 'lembut' UPM yang kini bukan sahaja berjaya dalam kerjaya tetapi kehidupan berumah tangga.

Slot itu diharap dapat membantu pelajar terlibat berfikir rasional dan sanggup berkorban dalam membuat keputusan untuk kembali menjadi lelaki sejati.

*Utusan Malaysia* berpeluang menemui empat pelajar lelaki 'lembut' UPM yang menyertai program Gerak Segak.

Mereka melahirkan rasa bertuah kerana dapat mengikuti program yang bukan sahaja memberi manfaat tetapi boleh membantu mereka berfikir lebih positif dalam memahami identiti diri.

**Irman Idris**, 21, yang menjadi ketua peserta program itu berkata, beliau berasa terpanggil untuk mengikuti program Gerak Segak setelah meneliti objektif program yang antara lain diadakan untuk meningkatkan jati diri pelajar.

"Program ini juga diadakan untuk membina keyakinan dalam menerima diri sebagai seorang yang sejati melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan," katanya.

## Kegiatan

Irman kini merupakan pelajar tahun dua, program ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan aktif dalam kegiatan persatuan.

Antara jawatan yang disandangnya ialah Setiausaha Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Ke Sepuluh dan Setiausaha Kelab Bowling.

Menurut Irman, beliau juga suka aktiviti lasak dan program Gerak Segak telah membuka peluang kepadanya untuk mencuba aktiviti lasak yang mencabar iaitu berakit di arus deras.

"Saya sentiasa mahukan perubahan. Pengalaman yang diperoleh sepanjang program diharap dapat membuka minda saya agar lebih positif menerima pendapat orang lain," ujarnya.

Selain itu, katanya, beliau sentiasa yakin dengan apa yang dilakukannya dan tidak peduli apa orang akan bercakap mengenainya.

"Saya sentiasa berdoa agar saya tidak tergelincir daripada landasan ajaran Islam yang suci," katanya.

Rakannya, **Maruzzuwan Abd. Aziz**, 22, pula berkata, beliau tidak peduli capai-capai orang dan cecak menghadapi cabaran sebagai pelajar universiti.

Kecekalan itu berhasil apabila beliau berjaya mengekalkan PNGS 3.0 ke atas pada setiap semester.

Pelajar tahun dua program ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber

AKTIVITI terjun jeram diadakan untuk meningkatkan keyakinan diri para pelajar lelaki 'lembut' yang menyertai program Gerak Segak UPM di Jeram Besu, Benta, Pahang, baru-baru ini.

Manusia itu memperoleh PNGS 3.6 pada semester lalu.

"Saya secara suka rela menyertai program ini kerana saya suka program yang boleh menampilkan diri sebagai pemimpin pelajar," katanya.

Menurutnya, sebelum ini, beliau telah dilantik menjadi Pembantu Hal Ehwal Mahasiswa untuk program Minggu Sukaikan Mahasiswa yang diadakan di kampus UPM.

Beliau yang juga suka aktiviti lasak berkata tentatif program turut menarik minatnya.

"Program yang diadakan tidak hanya menumpukan kepada ceramah dan motivasi semata-mata tetapi turut menyelitkan aktiviti sukan lasak," katanya.

Mengulas cabaran hidup di kampus, Maruzzuwan mengakui ia agak getir bagi golongan sepertinya.

Namun katanya, semua itu diharungi dengan sabar dan beliau berharap dapat melakukan satu perubahan yang positif selepas mengikuti program Gerak Segak.

**Samsudin Imrani**, 23, merupakan pelajar tahun tiga, program ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Multimedia).

Menurutnya, beliau menyertai program itu untuk menimba pengalaman baru ke arah menjadi insan yang lebih diterima oleh semua orang.

Berasal dari Felda Gunung Besout, Perak, beliau merupakan pelajar yang berjaya mengekalkan PNGS 3.0 ke atas pada setiap semester dan pada semester lalu, beliau memperoleh PNGS 3.37.

"Saya berharap program ini memberi kesedaran kepada saya sekali gus membina keyakinan diri dalam melakukan perubahan yang positif," katanya.

**Zulfakhry Zulkifli**, 19, pula berkata, beliau pada mulanya berasa takut untuk menyertai program Gerak Segak kerana diberitahu oleh rakan-rakan lain bahawa pegawai UPM yang mengendalikan program itu akan 'mendera' mereka.

"Semua khabar angin itu tidak benar dan saya seronok mengikuti aktiviti yang disediakan untuk kami," katanya.

Beliau menasihatkan rakan-rakan lain turut menyertai program seumpama supaya itu pada masa depan.

Ini kerana katanya, beliau dimaklumkan bahawa pihak UPM akan mengadakan program seperti itu pada masa-masa akan datang.

"Saya berharap lebih ramai rakan lain secara sukarela menyertai program yang penuh dengan manfaat dan boleh memberi iktibar kepada kita semua," katanya.

Pelajar program Diploma Pembangunan Manusia itu turut menyatakan hasratnya untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



SEBAHAGIAN peserta program Gerak Segak UPM bekerjasama mendirikan khemah di Kem Kampung Sega, Jeram Besu, Benta, Pahang.